

Pemasangan

1. Pasangkan kolar tepi dan kotak gear meter kelajuan pada roda.
2. Letakkan roda di antara kaki fork dan masukkan batang gandar hadapan dari sebelah kanan, melalui hab roda dan kaki fork kanan.


NOTIS

Apabila memasang roda atau angkup ke posisi asal, pasanglah cakera brek dengan berhati-hati di antara pad untuk mengelakkan daripada tercalar.

3. Pastikan cuping pada kaki fork kiri diletakkan dalam slot kotak gear meter kelajuan.
4. Ketatkan nat gandar hadapan.

Tork: 59 N·m (6.0 kgf·m, 44 lbf·ft)

5. Selepas memasang roda, cuba pedal brek beberapa kali dan periksa sama ada roda berputar dengan lancar. Periksa sekali lagi jika putaran roda atau fungsi brek kurang elok.
6. Pasangkan kabel meter kelajuan dengan baik.



Jika sepana tork tidak digunakan untuk pemasangan, rujuk dengan wakil pengedar anda dengan segera untuk memastikan pemasangan yang betul.

Pemasangan yang tidak betul akan menyebabkan kehilangan kapasiti brek.